DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU

DALAM PERKARA PERMOHONAN KEBENARAN BERPOLIGAMI

PERMOHONAN NO :_____2018

ANTARA

AAA BIN BBB — PEMOHON
KP: 123456

DENGAN

CCC BINTI DDD — RESPONDEN
KP: 123456

Kepada **CCC BINTI DDD, NO. KP: 123456** yang beralamat di **No. 1234, Kampung Bunga, 21100 Kuala Terengganu, Terengganu.**

Ambil perhatian bahawa **AAA BIN BBB, KP : 123456** Pemohon yang dinamakan di atas akan memohon kepada Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu di Kuala Terengganu pada …….. haribulan ……..... 2018 pukul……pagi/petang untuk mendapatkan suatu perintah bahawa (1) Permohonan Kebenaran Berpoligami atas alasan yang dinyatakan dalam afidavit yang dilampirkan.

…..……..……..

(Pemohon atau Peguam Syarie bagi Pemohon)

DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU

DALAM PERKARA PERMOHONAN KEBENARAN BERPOLIGAMI

PERMOHONAN NO :_____2018

ANTARA

**AAA BIN BBB** **PEMOHON**
**KP: 123456**

DENGAN

**CCC BINTI DDD** **RESPONDEN**
**KP: 123456**

AFIDAVIT

Saya, **AAA BIN BBB, KP : 123456** adalah seorang warganegara Malaysia yang telah cukup umur sesungguhnya bersumpah dan menyatakan seperti berikut:

1. Pemohon dalam kes ini, **AAA BIN BBB, KP : 123456** berumur 35 tahun yang beralamat penyampaian di **18A, Kampung Bunga Melur, 20300 Kuala Terengganu, Terengganu** yang boleh dihubungi melalui talian telefon **No: 0121234567.** (*Satu salinan Kad Pengenalan Pemohon dilampirkan sebagai ekshibit bertanda AB "1"*).

2. Saya bekerja sebagai Pensyarah dengan purata pendapatan bulanan sebanyak RM 10,000. *(Satu salinan Slip Gaji/Penyata Akaun Pemohon dilampirkan sebagai ekshibit bertanda AB "2"*

3. Responden dalam kes ini, iaitu **CCC BIN DDD, KP: 123456** adalah isteri saya sekarang yang beralamat penyampaian di **No. 1234, Kampung Bunga Melati, 21100 Kuala Terengganu, Terengganu** yang boleh dihubungi melalui talian telefon **No: 0191234567.**

4. Responden bekerja sebagai Jururawat Masyarakat dengan pendapatan bulanan sebanyak RM 3000.00.

5. Saya telah berkahwin dengan Responden pada 21.5.2015 di hadapan Jurunikah bernama Haji Ali bin Abu yang bertempat di Kampung Melur, Kuala Terengganu. *(Satu salinan Surat Perakuan Nikah dilampirkan sebagai ekshibit bertanda AB "3"*).

6. Hasil perkahwinan antara Pemohon dan Responden telah dikurniakan dua (2) orang anak iaitu :

6.1 ABC BIN AAA (MyKid No. 12345678) [5 tahun] Lelaki
6.2 XYZ BINTI AAA (MyKid No. 12345678) [3 tahun] Perempuan

7. Saya bercadang untuk berkahwin dengan EEE BINTI FFF KP: 123456 berumur 33 tahun yang beralamat penyampaian di 1258, Kampung Bunga Daisy, 20000 Kuala Terengganu yang boleh dihubungi melalui telefon No. 0199123456. Bakal isteri adalah seorang janda yang telah bercerai dengan suami terdahulu pada 12.06.2015. *(Satu salinan Kad Pengenalan Bakal Isteri dan Satu Salinan Surat Perakuan Cerai dilampirkan sebagai ekshibit bertanda AB "4" & AB "5"*).

8. Bakal isteri saya bekerja sebagai Jurutera yang mempunyai pendapatan sebulan sekitar RM 5000.00 sebulan.

9. Saya memohon untuk berpoligami kerana saya ingin berkahwin dengan EEE BINTI FFF KP: 123456 dan saya membuat akujanji akan menunaikan pemberian nafkah terhadap isteri saya yang sedia ada sebanyak RM 2000.00 sebulan, dan membuat akujanji untuk memberi nafkah kepada bakal isteri sebanyak RM 1000.

10. Saya juga membuat akujanji akan menunaikan tanggungjawab nafkah terhadap 2 orang anak saya yang sedia ada sebanyak RM 500.00 sebulan bagi setiap orang anak yang mana bagi kedua-dua orang anak tersebut berjumlah RM 1000.

11. Saya juga membuat akujanji akan menunaikan tanggungjawab saya sebagai suami dan ketua keluarga dengan sebaik-baiknya, berlaku adil terhadap kedua-dua isteri dari aspek pemberian nafkah, perhatian, kasih sayang serta giliran bermalam.

11. Alasan-alasan untuk saya membuat permohonan berpoligami ini adalah kerana :

10.1.
10.2.

12. Saya memohon kepada Mahkamah Yang Mulia ini untuk memberi kelulusan pada saya untuk berpoligami sebagaimana alasan-alasan yang telah dinyatakan di dalam afidavit saya ini.

Diangkat sumpah pada…….

Haribulan……..2018

Di Mahkamah Syariah Terengganu

oleh Pemohon.

……..
Tandatangan

Di hadapan saya,

…….
Hakim / Pendaftar

**ENAKMEN TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH (TERENGGANU) 2001**

**( Subseksyen 114 (2) )**

**PENGENALPASTIAN EKSHIBIT**

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU DI NEGERI TERENGGANU**

**PERMOHONAN NO :_____2018**

**ANTARA**

**AAA BIN BBB** **PEMOHON**
**KP: 123456**

**DENGAN**

**CCC BINTI DDD** **RESPONDEN**
**KP: 123456**

Ini ialah ekshibit bertanda_____yang disebut dalam afidavit **Permohonan Kebenaran Berpoligami** yang diangkat sumpah di hadapan saya pada_____.

_____

Hakim/Pendaftar

**DOKUMEN DAN EKSHIBIT YANG PERLU DISERTAKAN**

1. Dua (2) salinan borang (Notis Permohonan & Afidavit) ;

2. Dua (2) salinan borang penyampaian saman di luar bidangkuasa (bagi Responden yang alamat penyampaiannya berada di luar Terengganu/Malaysia) ;

3. Borang MS 27 (Pengenalpastian Ekshibit) mengikut bilangan ekshibit yang ditandakan ;

4. Salinan KP Pemohon (1 salinan) ;

5. Salinan Surat Permastautinan Pemohon (bagi Pemohon yang alamat KP di luar negeri Terengganu) (1 salinan) ;

6. Salinan Slip Gaji/Penyata Pendapatan/Penyata Bank/Perakuan Pendapatan dari JKKK (*yang terbaru*) (mana yg berkaitan mengikut jenis pekerjaan Pemohon) (1 salinan) ;

7. Salinan Surat Perakuan Nikah (isteri sedia ada) (1 salinan) ;

8. Salinan Surat Cerai Bakal Isteri (1 salinan) – jika janda bercerai hidup dan Salinan Surat Mati Suami Terdahulu (1 salinan) – jika bercerai mati ;

9. Salinan Sijil Kelahiran Anak / Mykid (1 salinan setiap orang anak) ;

10. Lain-lain ekshibit sebagai dokumen sokongan yang ingin dilampirkan berdasarkan afidavit yg difailkan Pemohon.